

Ladang terbesar di dunia

Jangan biar Felda pecah

1986
ULU SELANGOR, Isnin — Perdana Menteri mengingatkan peneroka Felda supaya berhati-hati dengan orang luar yang cuba mempengaruhi mereka untuk menentang kerajaan sehingga mewujudkan 'Felda A dan B'.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, peneroka akan rugi jika terpengaruh dengan hasutan golongan itu.

"Jangan dengar jika ada orang yang sering datang ke Felda untuk mengapi-api peneroka supaya menentang kerajaan kerana jika terpengaruh dengan hasutan orang ini, peneroka akan rugi. Sebaliknya orang yang datang itu tidak akan rugi kerana mereka memang menghendaki sesuatu daripada peneroka.

"Orang ini akan datang. Maka berhati-hatilah," katanya kepada lebih 500 peneroka yang berhimpun menyambut lawatan Perdana Menteri ke Felda Gedangsa, dekat sini, hari ini, dalam rangka lawatannya ke Ulu Selangor.

Beliau berharap Felda tidak terbahagi kepada Team A dan B kerana ia adalah

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

perbuatan tidak sihat yang boleh menjejaskan kegiatan peneroka meningkatkan keluaran dan pendapatan.

"Biarlah jangan ada sekerat pun Felda B," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mahu peneroka menumpukan perhatian kepada usaha mengekalkan Felda sebagai ladang terbesar di dunia dan berjaya memenuhi matlamatnya.

Meleset

Bagaimanapun, katanya kejayaan itu bergantung sepenuhnya kepada peneroka dan pihak pengurusan yang bersikap tenang, berdisiplin dan gigih.

"Kejayaan yang dicapai hari ini membuktikan bahawa peneroka Felda memang gigih berusaha sehingga kehidupan mereka jauh lebih baik daripada penduduk di sesetengah kampung tradisional. Ini adalah kejayaan yang membanggakan," katanya, disambut tepuk sorak peneroka.

Beliau berkata kerajaan yang dipilih rakyat sentiasa memastikan peneroka mendapat bantuan sewajarnya kerana

menjadi hasrat kerajaan untuk melihat rakyat hidup bahagia.

"Sebab itu kita sanggup memberikan hakmilik tanah perseorangan kepada peneroka semata-mata kerana desakan rakyat, walaupun ia bukan sesuatu yang mudah dilakukan, lebih-lebih lagi tidak semua tanah itu sama suburnya.

"Kita juga memberi bantuan sewaktu ekonomi meleset apabila pendapatan peneroka terjejas kesan kejatuhan harga kelapa sawit dan getah," jelasnya.

Katanya peneroka hendaklah bersyukur dengan kemudahan yang diterima, di samping meningkatkan kegiatan sampingan seperti menghasilkan kraftangan bermutu tinggi menerusi kilang Felda yang akan didirikan kelak.

"Jika sudah bekerja di kilang, peneroka mestilah rajin dan tiba di tempat kerja tepat pada waktunya supaya dapat mengeluarkan lebih banyak barang dan ini akan membantu menambah pendapatan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir turut melawat Pameran Kraftangan dan rumah peneroka, Encik Tabrani Haji Sanusi, sebelum meneruskan lawatan ke Batang Kali. Beliau sempat beramah mesra dengan keluarga Encik Tabrani, yang menetap di situ sejak 14 tahun lalu.